



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM KOMITED TERUS PERKASA OKU MELALUI PROGRAM INTERVENSI AWAL TASKA KANAK-KANAK OKU

SHAH ALAM 31 OKTOBER – YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, hari ini telah merasmikan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Orang Kurang Upaya (OKU), *Little Leader Child Care Centre*, bertempat di Bangunan Darul Ehsan, Shah Alam. Program perasmian ini dianjurkan oleh Persatuan TASKA Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Selangor dan Menteri Besar *Incorporated* (MBI).

Penubuhan TASKA OKU merupakan satu program intervensi awal untuk meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak OKU. TASKA ini juga bertujuan meringankan beban keluarga yang mempunyai anak-anak OKU untuk menerima didikan awal dan asuhan yang berkualiti. Justeru itu, pada tahun **2023, Kerajaan telah memperuntukkan Bantuan Kewangan Operasi TASKA OKU berjumlah RM2.7 juta kepada 11 buah TASKA OKU** dan telah memberi manfaat kepada 205 orang kanak kanak OKU. Usaha ini selaras dengan Dasar Kanak-Kanak serta Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak 1989 iaitu setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak OKU mendapat hak pendidikan.

Kementerian komited untuk terus memartabatkan dan menjamin kesejahteraan setiap kumpulan sasar. Usaha memartabatkan OKU adalah merupakan tanggungjawab bersama, antara KPWKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta pelbagai agensi kerajaan, swasta, pemain industri dan badan

bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan OKU dapat menjalani hidup yang sejahtera selari dengan 6 Nilai Teras Malaysia Madani iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YB Tuan Danial Al-Rashid bin Haron, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Tiga mewakili YB Puan Anfaal Binti Saari, Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
31 OKTOBER 2023**